

21/04/2001

ISA perlu untuk tangkis ancaman: Kassim Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) masih diperlukan untuk menangkis ancaman dari dalam dan luar negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan keharmonian berkekalan.

Seorang bekas tahanan ISA, Dr Kassim Ahmad, berkata walaupun pada awalnya ISA digubal untuk membanteras ancaman komunis dan kumpulan subversif, ia masih relevan kerana ada pelbagai pihak yang cuba mencetuskan bahaya terhadap negara.

Beliau berkata, empayar Inggeris dan Amerika Syarikat dengan jelas mengadakan pelbagai komplot untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan pimpinannya.

"Jadi ini satu bahaya yang nyata yang dihadapi negara kita. Dan negara kita boleh mengambil tindakan mencegah sekiranya ada individu atau kumpulan yang bertindak selaras dengan kepentingan neokolonialisme," katanya.

Beliau berkata demikian dalam segmen Fokus Hari Ini yang disiarkan Berita Perdana RTM, malam ini.

Dr Kassim yang pernah menjadi pensyarah dan Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM) pernah ditahan mengikut ISA pada awal 1970-an.

Bagaimanapun, beliau menyifatkannya sebagai perkara yang sudah berlalu dan menjadi pengalaman hidupnya, serta merancang untuk menulis buku mengenainya.

Beliau juga menyanggah pihak yang mendakwa ISA bercanggah dengan perisytiharan antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, Perkara 29 (2) perisytiharan itu menyebut dalam menjalankan hak dan kebebasan itu, setiap orang hendaklah dikenakan batasan yang ditentukan oleh undang-undang.

"Dalam perisytiharan ini dibenarkan batasan itu dengan maksud untuk mengelak daripada kemudaratan yang lebih besar," katanya.

Selain itu, beliau berkata, ditinjau dari sudut pandangan Islam sekalipun, ISA dibenarkan bagi mencegah kemudaratan kepada rakyat dan negara.

"Dalam peristiwa Nabi Musa belajar daripada gurunya (Nabi Khidir) ada disebut dua contoh yang mana gurunya itu bertindak menghalang kemudaratan yang diketahui terlebih dulu," katanya.

Pandangan Dr Kassim ternyata menyanggah sama sekali dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan ISA melanggar hak asasi manusia dan menyekat kebebasan individu atau kumpulan untuk bersuara.

Berdasarkan pandangannya, dari perspektif agama mahupun perisytiharan antarabangsa, ISA dibenarkan bagi mencegah kemudaratan kepada rakyat dan negara.

"Walaupun dalam keadaan sekarang, ISA masih relevan dan sesuai kerana negara belum selamat daripada ancaman luar, ada segelintir rakyat tidak sedar mereka sudah dipergunakan oleh pihak luar bagi melumpuhkan negara.

"Komposisi masyarakat Malaysia yang merangkumi pelbagai kaum, menuntut undang-undang pencegahan yang lebih berkesan. Di sinilah letaknya peranan ISA bagi memastikan keharmonian kaum terpelihara dan rakyat hidup dalam suasana aman dan bebas daripada sebarang ancaman," kata laporan RTM itu.

(END)